

# TEKANAN HIDUP WANITA MODEN

**S**OAL selidik Morbiliti dan Kesihatan Kebangsaan yang dilakukan antara tahun 1995 hingga 1997 mendapati masalah psikiatri di kalangan orang dewasa yang berumur 16 tahun ke atas tinggi di kalangan wanita (12.7 peratus) berbanding lelaki (8.5 peratus). Oleh itu adalah tidak menghairankan apabila wanita juga merupakan golongan yang paling kerap melakukan cubaan bunuh diri dan membunuh diri.


Biarpun kadar membunuh diri di Malaysia adalah yang terendah berbanding negara-negara maju yang lain, bagi tahun 1981 perangkaan adalah sebanyak 3 per 100,000 populasi berbanding 24 di Denmark, Singapura (9) dan Sri Lanka (47), angka membunuh diri adalah tinggi di kalangan wanita. Pada 1995 kadar bunuh diri adalah 59.9 peratus, 63.3 peratus (1997) dan 60.8 peratus (1999).

Kebanyakan kes berlaku di kalangan mereka yang mengalami gangguan personaliti berhadapan dengan masalah keluarga dan pasangan. Keadaan tersebut menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk tidur, berasa tidak gembira dan tertekan yang merupakan tanda-tanda awal sakit psikiatri. Ia secara perlahan-lahan boleh membawa kepada tekanan neurotik (masalah mental) – gangguan paling sinonim dengan wanita berbanding lelaki.

Senario tersebut barangkali bukannya sesuatu yang pelik kerana wanita juga adalah mangsa keganasan rumah tangga. Sikap berdiam diri, takut dan terlalu bersabar menyebabkan mereka sanggup menahan penderaan yang memabitkan fizikal, inses, rogol, penderaan seksual dan penderaan psikologi serta dieksploitasi suami. Kes yang dilaporkan antara dekad 1980-an dan awal 1990-an adalah 500 tetapi bertambah dengan mendadak pada tahun 1996 selepas Akta Keganasan Rumah Tangga diperke-

nalkan.

Bagaimanapun proses urbanisasi, peluang mendapat pendidikan dan memilih kerjaya memberi peluang kepada golongan Hawa mengubah nasib diri. Akibatnya ramai di antara mereka mengam-



**Tekanan akibat gaya hidup moden menyerang wanita di seluruh dunia.**

bil keputusan menamatkan zaman bujang pada usia yang lewat. Impaknya kadar kesuburan di kalangan wanita Malaysia menurun dengan 3.06 bagi setiap wanita. Sedangkan pada tahun 1970 ka-

dar kesuburan wanita Semenanjung adalah 5.02. Pengurangan paling ketara berlaku di kalangan wanita Cina pada tahun lewat 1950-an, diikuti oleh India (1960-an) dan Melayu pada akhir dekad 1960-an.

Kualiti hidup yang lebih baik turut menyumbang kepada pemanjangan jangka hayat di kalangan wanita. Malah peningkatan jangka hayat wanita lebih tinggi berbanding lelaki dan status kesihatan wanita di Malaysia adalah setanding dengan negara-negara maju. Perkembangan tahap kesihatan wanita Malaysia dalam tempoh empat dekad lalu adalah kunci kepada penglibatan aktif mereka dalam ekonomi dan perkembangan sosial.

Umumnya wanita hari ini lebih sihat, hidup lebih lama dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik berbanding mereka yang hidup pada tahun 1950-an. Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, peningkatan pengambilan nutrien dan sanitasi dan bekalan air minum yang bersih turut menyumbang kepada peningkatan status kesihatan wanita sejak merdeka.

Sungguhpun begitu masalah baru yang muncul pada dekad 1990-an adalah amalan pemakanan yang tidak sihat yang mendorong kepada 'lebih makan'. Kajian ke atas 3,000 responden mendedahkan 28 peratus di kalangan lelaki dan 34 peratus wanita mengalami sindrom lebih berat yang kini sedang menggila di negara maju. Perubahan bentuk pemakanan dan gaya hidup moden adalah faktor utama yang mendorong senario tersebut.

Apa yang lebih menakutkan adalah pengambilan makanan yang tidak seimbang mencetus kepada pertambahan kanser yang meragut 5 juta nyawa di seluruh dunia setiap tahun. Kanser payudara pula mewakili 5 hingga 25 peratus daripada jumlah kematian akibat kanser. Di Malaysia kanser payudara dan serviks menyerang separuh daripada jumlah wanita

Jangka Hayat Rakyat Malaysia					
	1980	1991	1995	2000	2001
Lelaki	66.5	69.2	69.4	70.2	70.3
Wanita	71.0	73.4	74.2	75.0	75.2



yang menghidap kanser.

Kanser sehingga kini tiada penawarnya dan peluang untuk hidup bergantung kepada di tahap mana penyakit tersebut dikesan. *Pap smear* adalah kaedah untuk mengesannya yang paling praktikal namun tidak ramai yang mengambil inisiatif melakukannya. Lebih menyedihkan ada yang bergantung kepada kaedah perawatan tradisional menyebabkan rawatan terhadap kanser lewat diterima dan menjadi punca kehilangan nyawa.

Walaupun tidak separah kanser, Aids/HIV yang sejak dikesan buat pertama kali pada 1986 di negara ini mula meningkat kepada 38,044 pada penghujung 2000. Biarpun daripada data menunjukkan 93.1 peratus penghidap Aids adalah lelaki, namun pada 1990 daripada sembilan wanita yang telah dijangkiti HIV ia meningkat sebanyak 17.8 kali ganda kepada 161 pada 1995. Pada penghujung 2000 kemudiannya meningkat tiga kali ganda berbanding 1995.

Sehingga kini penawar Aids terus dicari. Tetapi pada masa yang sama negara berhadapan dengan risiko pemanjangan jangka hayat di kalangan wanita akan menyebabkan penjagaan kesihatan menjadi satu keperluan menjelang alaf baru. Wanita berumur 65 tahun ke atas mewakili 4.2 peratus daripada jumlah populasi wanita atau 501,000 pada tahun 2000. Dengan jangka hayat 75 tahun wanita akan menghabiskan satu pertiga daripada hidupnya dalam fasa menopause.

Apa yang membimbangkan adalah profil wanita pada kategori ini sangat berbeza dan memerlukan perkhidmatan kesihatan yang berlainan. Ini kerana mereka sering dikaitkan dengan penyakit degeneratif dan lain-lain penyakit seperti masalah penglihatan, katarak, kesukaran mengunyah makanan, pendengaran dan kaki di samping hipertensi, penyakit jantung dan diabetes serta masalah mental seperti hilang daya ingatan dan kesukaran untuk tidur.

Umumnya tidak dinafikan antara dulu dan sekarang status kesihatan wanita menunjukkan peningkatan. Pengawasan penyakit berjangkit, persekitaran tempat tinggal yang lebih baik, status pemakanan serta perkhidmatan kesihatan yang lebih baik merupakan antara faktor yang menyumbang. Namun penekanan perlu diberikan kepada pembangunan mental yang seiring dengan perkembangan dunia yang lebih mencabar. □